

Insentif kepada majikan, dorong lebih banyak peluang pekerjaan

# RM1.5 bilion bantu graduan

**KUALA LUMPUR** – Program Insentif Pengambilan Pekerja berjumlah RM1.5 bilion yang dilaksanakan kerajaan diharap membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat termasuk golongan graduan.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Noraini Ahmad berkata, melalui program itu, syarikat atau majikan akan diberikan insentif kewangan jika memberi pekerjaan kepada golongan penganggur dan belia.

Menurutnya, program itu membolehkan majikan atau syarikat menerima insentif selama enam bulan sebanyak RM800 sebulan jika menggaji penganggur berumur di bawah 40 tahun, manakala RM1,000 sebulan bagi penganggur berusia 40 tahun dan ke atas serta orang kelainan upaya.

“Graduan juga perlu mempelajari kemahiran baharu serta menceburi bidang keusahawanan atau perniagaan yang boleh dilakukan melalui penjualan, terus atau secara online.

“Mereka harus berfikir positif, kreatif dan inovatif untuk keluar daripada kemelut kesan daripada Covid-19,” katanya.

Selain itu katanya, satu lagi inisiatif menarik ialah pemberian insentif kepada majikan yang menyediakan peluang perantis kepada lepasan sekolah dan graduan pada kadar RM600 sebulan.

Jelasnya, ini adalah usaha tambahan kerajaan untuk menangani isu kadar pengangguran belia serta meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Dalam pada itu, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan berkata, lulusan universiti



**INSENTIF** sebanyak RM1.5 bilion diharap dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada graduan.

boleh memanfaatkan beberapa inisiatif kerajaan antaranya Program Internship Berstruktur di bawah inisiatif Pembangunan Sumber Manusia Berhad dengan mengikuti pelbagai latihan.

“Lengkapkan diri dengan kemahiran digital serta menguasai ilmu bahasa, lakukan jaringan dengan pihak industri serta memanfaatkan inisiatif yang ditawarkan kerajaan,” ujarnya.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi, Prof. Tan Sri Dr. Noor Azlan Ghazali berkata, majikan perlu berani menggaji pekerja tidak berkemahiran ke-

## Program Insentif Pengambilan Pekerja

- Majikan atau syarikat menerima insentif RM800 sebulan selama enam bulan jika menggaji penganggur berumur bawah 40 tahun.
- Insentif RM1,000 sebulan selama enam bulan bagi penganggur berusia 40 tahun dan ke atas serta orang kelainan upaya.

rana kemahiran yang diperlukan itu boleh dilatih menerusi inisiatif Penjana Kerjaya di bawah

Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana).

Katanya, satu daripada inisiatif Penjana Kerjaya adalah program latihan *place and train* iaitu pekerja tidak berkemahiran akan diberikan latihan berdasarkan keperluan majikan dan pekerja.

“Antara inisiatif lain bawah Penjana Kerjaya termasuklah #MyApprentice, #HireMalaysia dan Bantuan Mobiliti.

“Menerusi inisiatif #MyApprentice, majikan yang mengambil pekerja dalam kalangan graduan akan diberikan bantuan kewangan oleh kerajaan,” katanya.